

**Azizah, Zahida Ambil Alih Jawatan Naib Ketua Wanita Dan Puteri Umno
Bernama
13 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Azizah Mohd Dun dan Zahida Zarik Khan masing-masing diisytihar Naib Ketua Wanita dan Naib Ketua Puteri Umno yang baharu malam ini setelah mengungguli saingan bagi jawatan berkenaan pada pemilihan tiga sayap parti yang berlangsung semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Umno Tan Sri Tajol Rosli Ghazali, ketika mengumumkan keputusan itu di Menara Dato Onn di sini, berkata setakat 8.40 malam ini, Azizah memperoleh 127 undi untuk mengatasi pencabarnya, Datuk Suraya Yaacob yang meraih 52 undi.

Ini meletakkan Azizah sebagai 'orang kanan' kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, yang diumumkan mengekalkan jawatan Ketua Wanita Umno setelah mengetepikan dua pencabarnya iaitu Datuk Maznah Mazlan dan Raihan Suleiman Palestin, semalam.

Tajol Rosli turut memaklumkan sokongan kepada Shahrizat terus meningkat dengan jumlah terkini undi yang diperolehnya mencecah 172, berbanding lapan buat Maznah manakala Raihan gagal meraih sebarang undi.

Turut diumumkan beliau pada sidang media itu ialah keputusan bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita yang dimenangi penyandangannya, Datuk Saripah Aminahbi Syed Mohd dengan 116 undi, mengalahkan Datuk Mastika Junaidah Husin dengan 63 undi.

Bagi Pergerakan Puteri, Zahida dengan 99 undi mengalahkan dua pencabarnya Norsabrina Mohd Noor (50 undi) dan Nazliah Ali (33 undi).

Zahida akan bergandingan dengan Mas Ermieyati Samsudin yang diumumkan Ketua Puteri yang baharu bagi menerajui sayap berkenaan menggantikan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin yang tidak bertanding kerana faktor usia.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Puteri, Azlieza Azizan dan Nurul Huda Nordin Ahmad masing-masing diumumkan menang tanpa bertanding.

Tajol Rosli berkata kesemua kiraan undi bagi Pergerakan Wanita dan Puteri dibuat melalui kaedah 'electoral college' kerana tidak ada sebarang masalah undi seri.

Selain jawatan utama Pergerakan Wanita, Puteri dan Pemuda, Jawatankuasa Pemilihan malam ini turut mengumumkan senarai pemenang bagi jawatan exco pusat ketiga-tiga sayap.

Mengulas kiraan undi yang belum merangkumi kesemua 191 bahagian parti, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Mansor menjelaskan masih ada kotak undi dari beberapa bahagian yang belum diterima pihak ibu pejabat parti atas beberapa sebab.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu tidak menjejaskan keputusan yang diumumkan setakat ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985456>